



LAPORAN TAHUNAN

2024





**MAJLIS
PERUBATAN
MALAYSIA**

LAPORAN TAHUNAN

2024

KANDUNGAN

01

Maklumat Korporat

Misi, Moto, Objektif dan Fungsi-Fungsi Utama
Presiden dan Ahli-Ahli Majlis
Kumpulan Pengurusan
Carta Organisasi dan Carta Fungsi

02

Laporan Pencapaian

Transisi Fakta MPM
Jawatankuasa - Jawatankuasa di bawah MPM
Pendaftaran Pengamal Perubatan
Pendidikan Perubatan dan Pengiktirafan (MER)
Etika dan Perundangan
Hasil MPM
Pengurusan Kualiti dan Audit
Lampiran-lampiran

03

Aktiviti MPM 2024

04

Laporan dan Penyata Kewangan 2024

SIDANG REDAKSI

Penaung

Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan
Presiden

Penasihat

Dr. Mohamed Anas bin Mohamed Hussain
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Editor

Cik Fatim Nasuha binti Badaruddin
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Editor

Dr. Ahmad Khairil Faizi bin Rosli
Bahagian Etika dan Perundangan

Puan Nordina Torji binti Nordin
Bahagian Khidmat Pengurusan

Dr. Goh Vern Zhi Denise
Cawangan Pengiktirafan dan Pendidikan Perubatan

Dr. Wan Safiyyah Nurnajah binti Wan Ahmad Tajuddin
Cawangan Pendaftaran

Dr. Normahirah binti Duralim
Cawangan Penilaian

En. Muhammad Zharif bin Md Khairi
Cawangan Kewangan

Misi, Moto, Objektif dan
Fungsi-Fungsi Utama

Presiden dan Ahli-Ahli Majlis

Kumpulan Pengurusan

Carta Organisasi dan Carta
Fungsi

MAKLUMAT KORPORAT

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA



Majlis Perubatan Malaysia

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan Kerajaan Malaysia dalam memperkukuh sistem penjagaan kesihatan negara, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) telah ditubuhkan melalui suatu Akta Parlimen yang diluluskan pada 27 September 1971 dan diwartakan secara rasmi pada 30 September 1971. Penubuhan ini merupakan langkah strategik ke arah memastikan perkhidmatan perubatan yang disediakan adalah berkualiti, selamat dan berintegriti.

Selaras dengan aspirasi untuk memperkukuh fungsi pengawalseliaan dan pemantauan profesion perubatan di peringkat nasional, Kabinet Kerajaan Malaysia pada 9 Mei 2007 telah meluluskan status MPM sebagai sebuah badan berkanun persekutuan di bawah Seksyen 3 Akta Perubatan 1971.

Selepas pindaan dibuat kepada Akta Perubatan 1971 pada tahun 2012 dengan menggantikan Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 kepada Peraturan-Peraturan Perubatan 2017, MPM secara rasminya telah diwartakan sebagai sebuah badan berkanun persekutuan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2017.



MOTO

**Melindungi pesakit
dan membimbing
dokter**

"Safeguarding patients and guiding doctors"

AKTA & PERATURAN

Akta Perubatan 1971, selepas ini dirujuk sebagai "Akta", dan Peraturan Perubatan 2017, selepas ini dirujuk sebagai "Peraturan-Peraturan"

MISI

Matlamat utama MPM adalah untuk memastikan standard etika, pendidikan dan amalan perubatan yang tinggi, demi kepentingan pesakit, orang awam dan profesion perubatan melalui pentadbiran Akta yang adil dan efektif.

Objektif Majlis Perubatan Malaysia

OBJEKTIF

- Memastikan pengamal perubatan sesuai untuk mengamal dan memberi tumpuan kepada keselamatan awam dengan matlamat mencapai ekuiti kesihatan dan meningkatkan hasil kesihatan.
- Meningkatkan hubungan dan perkongsian Majlis dengan orang awam, profesion dan pihak berkepentingan untuk tujuan utama Majlis.
- Memberi piawaian kecekapan klinikal, keselamatan pesakit dan pematuhan kod etika dan memastikan piawaian yang dapat mencerminkan jangkaan orang ramai, profesion dan pihak berkepentingan.
- Memperbaiki hasil pengawalseliaan amalan perubatan dan pengamal perubatan dengan mengadakan sistem pendaftaran pengamal perubatan yang berwibawa dan sesuai untuk mengamalkan perkhidmatan bersepadu ke dalam perkhidmatan kesihatan.
- Mewujudkan standard pendidikan perubatan pra/pasca siswazah bagi tujuan pengiktirafan dan jaminan kualiti kelayakan perubatan.

KUASA MAJLIS

Seksyen 4A, Akta Perubatan 1971

- Memastikan peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturannya ditadbirkan, dikuatkuasakan, dilaksanakan, dijalankan dan dipatuhi.
- Mengawal selia standard amalan pengamal perubatan berdaftar.
- Mengawal selia tatakelakuan dan etika profesional pengamal perubatan berdaftar.
- Meluluskan atau menolak apa-apa permohonan bagi pendaftaran atau pemerakuan mengikut Akta ini atau peraturan-peraturannya.
- Penentuan apa-apa fi atau denda yang kena dibayar.
- Mengeluarkan perakuan.
- Meminjam atau menjana wang dari semasa ke semasa melalui overdraf bank atau dengan cara lain bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam seksyen ini.
- Mengiktiraf dan mengakreditasi kelayakan perubatan berdasarkan syor Jawatankuasa Teknikal Bersama yang ditubuhkan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] bagi tujuan pendaftaran.

FUNGSI MAJLIS


Seksyen 4, Akta Perubatan 1971

- Mendaftar pengamal perubatan.
- Mengawal selia amalan perubatan.

Fungsi Utama

Majlis Perubatan Malaysia

- Pendaftaran pengamal bagi tujuan mengamalkan perubatan di Malaysia iaitu:
 - Mendaftar semua pengamal perubatan yang layak.
 - Menguruskan daftar pengamal perubatan termasuk pakar perubatan.
 - Menilai dan mendaftar Pengamal Perubatan Berdaftar di luar Malaysia.
 - Menilai dan memantau latihan dan prestasi pegawai perubatan siswazah di bawah Jawatankuasa Kelayakan Perubatan (MQC).
 - Mempertimbangkan kes-kes pengamal dengan kecelaruan mental atau ketidakupayaan fizikal bagi memastikan kecergasan semasa mengamal.
- Menjalankan aktiviti akreditasi dan pengiktirafan institusi perubatan di dalam dan luar negara dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- Mengawal selia tatakelakuan dan etika profesional Pengamal Perubatan Berdaftar.
- Menerbitkan dan mengemaskini garis panduan yang berkaitan dengan amalan perubatan di Malaysia.
- Melaksanakan tindakan-tindakan lain bagi memenuhi keperluan MPM berdasarkan Akta.



Presiden

dan Ahli-Ahli Majlis



Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan

Presiden

21 April 2023 – 1 Mei 2025

Seksyen 3A(1)(a) Akta Perubatan 1971

Ahli-Ahli

Dilantik: Universiti & Kolej Universiti Tempatan
Seksyen 3A(1)(b) Akta Perubatan 1971



**Prof. Dr. Jayakumar a/l
Gurusamy**

(15/11/2023 – 14/11/2026)



**Prof. Dato' Dr. Ikram Shah
bin Ismail**

(15/11/2023 – 14/11/2026)



**Prof. Dato' Dr. Hanafiah bin
Haruna Rashid**

(15/11/2023 – 14/11/2026)



**Prof. Dato' Dr. April Camilla
Roslani**

(15/11/2023 – 14/11/2026)



**Prof. Dr. Sharifah Sulaiha
binti Syed Aznal**

(15/11/2023 – 14/11/2026)



**Prof. Dr. Shatriah binti
Ismail**

(15/11/2023 – 14/11/2026)



Prof. Dr. Roszaman bin Ramli
(15/11/2023 – 07/09/2024)
Telah meletakkan jawatan
pada 07/09/2024



Prof. Dr. Lee Way Seah
(15/11/2023 – 14/11/2026)



Prof. Dr. Asri bin Said
(15/11/2023 – 14/11/2026)



**Prof. Dr. Mohamad Khairuddin
bin Abdul Wahab**
(11/11/2024 – 14/11/2026)

**Dilantik: Sektor Swasta
Seksyen 3A(1)(c) Akta Perubatan 1971**



Dr. Jamal Azmi bin Mohamad
(08/11/2023 – 12/08/2024)
Telah ditamatkan lantikan
berkuat kuasa pada 12/08/2024



**Prof. Dr. Azad Hassan bin
Abdul Razack**
(08/11/2023 – 12/08/2024)
(13/08/2024 – 07/11/2026)



Dr. Lim Joo Kiong
(08/11/2023 – 12/08/2024)
(13/08/2024 – 07/11/2026)



**Prof. Dato' Dr. Kandasami
Palayan**

(13/08/2024 – 07/11/2026)

Dilantik: Sektor Perkhidmatan Awam
Seksyen 3A(1)(d) Akta Perubatan 1971



Dr. Ooi Choo Huck

(01/03/2022 – 04/02/2024)

Telah tamat lantikan berkuat
kuasa pada 04/02/2024 kerana
bersara wajib



Datuk Dr. Asits bin Sanna

(01/08/2023 – 04/12/2024)

Telah tamat lantikan berkuat
kuasa pada 04/12/2024 kerana
bersara wajib



Dr. Veronica Lugah

(01/03/2024 – 28/02/2027)



Dr. Maria Suleiman

(20/12/2024 – 31/07/2026)



**Dato' Indera Dr. Nor Azimi binti
Yunus**

(01/03/2024 – 28/02/2027)

Dipilih: Semenanjung Malaysia
Seksyen 3A(1)(e) Akta Perubatan 1971



**Prof. Datuk Dr. Adeeba
binti Kamarulzaman**
(14/08/2022 – 13/08/2025)



**Prof. Dato' Sri Dr. Abu
Hassan Asaari bin Abdullah**
(14/08/2022 – 13/08/2025)



**Prof. Dato' Dr. Jafri Malin
bin Abdullah**
(14/08/2022 – 13/08/2025)



Prof. Datuk Dr. Rohaizat bin Yon
(14/08/2022 – 13/08/2025)



**Prof. Dato' Dr. Hussain
Imam bin Muhammad Ismail**
(14/08/2022 – 13/08/2025)



**Prof. Emerita Dr. Nor Hayati
Othman**
(14/08/2022 – 13/08/2025)



**Dr. Khairul Hafidz Alkhair bin
Khairul Amin**
(14/08/2022 – 13/08/2025)



Dr. Suhazeli bin Abdullah
(14/08/2022 – 13/08/2025)



Dr. Sri Wahyu binti Taher
(14/08/2022 – 13/08/2025)



**Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan
Mohamad Wan Bebakar**
(27/01/2024 – 26/01/2027)



Prof. Dr. Shaiful Bahari bin Ismail
(27/01/2024 – 26/01/2027)



**Datuk Dr. Wan Ahmad
Hazim Wan Ghazali**
(27/01/2024 – 26/01/2027)



Dr. Rafidah binti Abdullah
(27/01/2024 – 26/01/2027)



**Dato' Dr. Fazilah binti Shaik
Allaudin**
(27/01/2024 – 26/01/2027)



**Datuk Dr. Zanariah binti
Hussein**
(27/01/2024 – 26/01/2027)

Dipilih: Sabah
Seksyen 3A(1)(f) Akta Perubatan 1971



Dr. Adlan Suhaimi bin Ahmad
(01/08/2023 – 31/07/2026)

Dipilih: Sarawak
Seksyen 3A(1)(g) Akta Perubatan 1971



Dato' Dr. Kalwinder Singh Khaira
(01/07/2021 – 30/06/2024)
(01/07/2024 – 30/06/2027)

Kumpulan Pengurusan

Majlis Perubatan Malaysia




Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan
Presiden MPM



Dr. Mohamed Anas bin Mohamed Hussain
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Mulai 3 Julai 2023

Carta Organisasi

Majlis Perubatan Malaysia



Carta Fungsi Majlis Perubatan Malaysia

BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA	BAHAGIAN PENDAFTARAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME	BAHAGIAN ETIKA DAN PERUNDANGAN	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	UNIT PENGURUSAN KUALITI DAN AUDIT
Merangka dan membangunkan peraturan – peraturan/garis panduan/kriteria pendaftaran pengamal perubatan.	Memproses permohonan pendaftaran pengamal perubatan di Malaysia.	Menjalankan aktiviti berkaitan etika dan perundangan iaitu:	Pengurusan Majlis Perubatan Malaysia iaitu:	Merangka pelan strategik perancangan & pembangunan Sistem Pengurusan Kualiti MPM yang meliputi skop pensijilan berikut:
Perancangan & pembangunan pelan strategik perkembangan amalan perubatan dan penilaian semula.	Membangun, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pengamal perubatan iaitu:	i. Penguatkuasaan	i. Pentadbiran	i. MS ISO 9001:2025 – Quality Management System
Perancangan dan pembangunan, dasar-dasar, peraturan, garis panduan, kriteria dan pelaksanaan aktiviti pendaftaran pengamal perubatan.	i. Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)	ii. Pemantauan	ii. Sumber Manusia	ii. MS ISO 27001:2007 – Information Security Management System
Merancang, membangun dan menyelaras aktiviti pendaftaran pengamal perubatan supaya selaras dengan perkembangan perkhidmatan perubatan.	ii. Ujian kelayakan dan Fitness To Practice (FTP)	iii. Siasatan	iii. Logistik & Pengangkutan	
Penyelarasan dan pemantauan isu-isu pendaftaran perubatan di peringkat intra/inter agensi.	iii. Pengiktirafan/akreditasi	iv. Pendakwaan	iv. Keselamatan	Bertanggungjawab dalam penyelarasan melibatkan pengauditan daripada mana-mana pihak luar.
Mengumpul maklumat berkaitan pengamal perubatan.	iv. Pendaftaran pakar	v. Pembelaan	v. Kewangan & Perakaunan	Melaksanakan pengauditan dalaman yang melibatkan fungsi-fungsi MPM.
Penyelarasan dan pemantauan isu-isu pengamal perubatan diperingkat tempatan dan antarabangsa.	v. Pendaftaran bukan pakar	Mengawal dan mengawasi amalan perubatan supaya mematuhi kod etika pengamal perubatan.	vi. Inventori asset/stor	Memperkuhkan kerangka penilaian bagi tindakan pembetulan dan tindakan penambahbaikan bagi setiap ketidakpatuhan dalaman & luaran.
Penyelarasan bagi tujuan penyeragaman global berkaitan keperluan regulatori.	vi. KPI, ISO dan Quality Assurance Program (QAP)	Pengumpulan maklumat berkaitan pengamal perubatan yang tidak berdaftar dan salah laku pengamal perubatan.	Pembangunan sistem dan penyelenggaraan ICT.	Mengenalpasti risiko mengikut bidang keutamaan dan membuat penilaian kebarangkalian impak risiko tersebut yang menganggu-gugat pengoperasian MPM.
Perkhidmatan berunding dan nasihat berhubung dengan pengamal perubatan dan aktiviti-nya.	vii. Perakuan Amalan Tahunan (APC)	Pemantauan dan pengawasan prestasi keselamatan dan obligasi selepas pendaftaran pengamal perubatan merangkumi <i>adverse event, reporting, recall, incident investigation</i> .	Pembangunan, pelaksanaan dan penyenggaraan sistem aplikasi pendaftaran dan persijilan.	Memperkasakan akauntabiliti dalam pengurusan penyampaian perkhidmatan melalui kaedah penambahbaikan berterusan.
Menyelaras dan mengurussetia mesyuarat, bengkel, program kerja sama dan aktiviti – aktiviti berkaitan dengan dasar amalan perubatan.	viii. Pengendalian/ penangguhan khidmat wajib	Merancang operasi pencegahan kepada pengamal perubatan yang melakukan kesalahan di bawah Akta.	Pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penyelenggaraan pangkalan data dan pengurusan.	
Memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam aspek komunikasi dan perhubungan awam.	ix. Penilaian dan pendaftaran pengamal perubatan	Melakukan lawatan dan pemeriksaan bagi memperoleh bahan bukti dan dokumen.	Validasi perisian pengamal.	
Menguatkan perhubungan Pihak Berkuasa MPM dengan media massa.	x. Penyemakan permohonan dan pengeluaran sijil pengamal perubatan			

Transisi Fakta MPM

Jawatankuasa-Jawatankuasa MPM

Pendaftaran Pengamal Perubatan

Pengiktirafan dan Pendidikan Perubatan
(MER)

Etika dan Perundangan

Hasil MPM

Pengurusan Kualiti dan Audit

Lampiran - Lampiran

LAPORAN PENCAPAIAN

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA



Pencapaian

Majlis Perubatan Malaysia (MPM)

Transisi Fakta MPM Tahun 2017 sehingga 2024

Fakta	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Pendaftaran Sementara	6,147	5,867	4,999	5,218	3,867	3,857	3,247	3,142
Pendaftaran Penuh tanpa Syarat Seksyen 14(1) Akta	3,879	3,748	5,977	3,524	5,404	4,520	4,014	3,290
Pendaftaran Penuh dengan Syarat Seksyen 14(2) & 14(3) Akta	313	265	246	241	203	229	302	246
Pendaftaran Pakar Perubatan	Sebelum 1 Julai 821	2,148	893	908	937	1,077	1,252	1,506
	Selepas 1 Julai 844							
Perakuan Amalan Sementara (TPC)	256	210	139	45	23	126	173	197
Certificate of Good Standing (COGS) & Lain-lain Dokumen	827	640	631	463	855	1,297	1,291	1,324
Perakuan Amalan Tahunan (APC)	44,802	48,190	51,310	56,192	62,222	66,820	71,374	74,333
Jumlah Aduan yang Diterima (Di bawah Akta Perubatan 1971)	107	38	25	4	3	13	6	-
Jumlah Aduan yang Diterima (di bawah Akta Perubatan 1971) (Pindaan 2012)	11	69	63	44	83	85	122	137

Jawatankuasa-Jawatankuasa

Majlis Perubatan Malaysia (MPM)

Seksyen 4E, Akta Perubatan 1971 memperuntukkan penubuhan jawatankuasa oleh Majlis untuk membantu melaksanakan tugas-tugas di MPM. Sehubungan itu, jawatankuasa-jawatankuasa Majlis yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

Jawatankuasa - Jawatankuasa	
Pra-Pendaftaran	Jawatankuasa Peperiksaan untuk Pendaftaran dengan Majlis Perubatan Malaysia (JPP MPM)
Pendaftaran/ Pensijilan	- Jawatankuasa Penilaian 1 (JKP 1)(Kelayakan Asas Perubatan) - Jawatankuasa Penilaian 2 (JKP 2)(Kelayakan Pakar Perubatan) - Jawatankuasa Pengurusan MMC - CPD - Jawatankuasa Kelayakan Perubatan (MQC)
Fitness to Practice (FTP)	- Jawatankuasa Kelayakan Mengamal (JKM/FTP) - Jawatankuasa Panel Kajian Semula Perubatan (PKSP/MRP)
Pengiktirafan/ Penetapan Standard	- Jawatankuasa Teknikal Bersama/ Joint Technical Committee (JTB) - Jawatankuasa Pendidikan Perubatan/ Medical Education Committee(MEC) - Undergraduate Education Subcommittee - Housemanship Education Subcommittee - Specialty Education Subcommittee - Subspecialty Education Subcommittee - Panel of Assessor Technical Working Group (POATWG)
Dasar dan Hubungan Antarabangsa	- Jawatankuasa Pemilihan Ahli MPM (JKPA) - Jawatankuasa Semakan Pencalonan Ahli MPM Mewakili Universiti IPTA/IPTS - Jawatankuasa Pembangunan Profesionalisme Pegawai Perubatan MPM (JKPPP) - Jawatankuasa Perubatan Sarawak/ Sarawak Medical Committee (SMC)

Jawatankuasa - Jawatankuasa	
Etika/Tatatertib	• Jawatankuasa Etika • Jawatankuasa Perintah Tetap/Standing Orders • Jawatankuasa Pengurusan Aduan/Complaints Management Committee (CMC) • Jawatankuasa Draf Pertuduhan/Draft Charge • Di bawah Akta Perubatan 1971: - Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (I-VI) • Di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012): - Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (1-5) - Jawatankuasa Lembaga Tatatertib (1-5)
Legislatif	• Jawatankuasa Pindaan Akta Perubatan dan Peraturan-Peraturan Perubatan
Khidmat Pengurusan	• Jawatankuasa bagi Perancangan Laluan Kerjaya dan Pengganti (Successor) Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif • Jawatankuasa Pemandu ICT
Pengurusan Kualiti Audit Dalam	• Jawatankuasa Kualiti dan Audit Majlis Perubatan Malaysia (JKAMPM)

Keahlian jawatankuasa-jawatankuasa di atas diperincikan di bahagian Lampiran.



Pendaftaran Pengamal Perubatan

Pengamal perubatan mestilah berdaftar dengan MPM untuk mengamal perubatan secara sah di Malaysia. MPM akan memastikan pengamal perubatan berdaftar mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan untuk memberikan rawatan yang selamat dan berkesan kepada orang awam.

1. Pendaftaran Sementara (di bawah Seksyen 12 dan 13)

- Pendaftaran sementara membenarkan pengamal berkelayakan yang baharu dalam bidang perubatan untuk menjalani latihan siswazah di bawah seliaan.
- Pengamal akan diberikan pendaftaran penuh setelah selesai menjalani latihan dengan jayanya.

2. Pendaftaran Penuh (di bawah Seksyen 14)

- Pendaftaran Penuh membenarkan pengamal perubatan untuk mengamal tanpa seliaan.

Berikut merupakan peruntukan akta berkaitan pendaftaran penuh:

a) Seksyen 14(1) merupakan pendaftaran penuh yang diberikan kepada pengamal perubatan yang telah:

- Berdaftar sementara di bawah seksyen 12.
- Mengemukakan suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 13(2).
- Membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa pegawai layak dan mempunyai akhlak yang baik.

b) Seksyen 14(2A) merupakan pendaftaran penuh tertakluk kepada sekatan dan syarat yang ditentukan oleh MPM bagi pengamal berikut:

- Berhasrat untuk mengajar, melakukan penyelidikan atau mengikuti kursus lepasan ijazah dalam bidang kepakaran di bawah apa-apa program latihan yang diiktiraf di mana-mana institusi latihan yang diiktiraf.
- Memiliki kemahiran perubatan atau pembedahan yang difikirkan oleh Majlis sebagai bertaraf antarabangsa atau mempunyai nilai khusus kepada negara.
- Memiliki kelulusan yang pada pendapat Majlis adalah mencukupi, selagi dia terus melibatkan dirinya secara khusus dalam pengajaran, penyelidikan atau pengajian lepasan ijazah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

c) Seksyen 14(3) merupakan pendaftaran penuh tertakluk kepada sekatan dan syarat yang dibenarkan untuk mengamal mengikut tempat amalan, skop amalan dan tempoh masa yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan, setelah berunding dengan Majlis.

3. Pendaftaran Pakar Perubatan (di bawah Seksyen 14A, 14B dan 14C)

- Akta Perubatan 1971 menetapkan seseorang pengamal perubatan perlu berdaftar di bawah seksyen ini bagi menjalankan amalan sebagai seorang pakar dalam bidang kepakaran itu.

4. Perakuan Amalan Sementara (TPC) (di bawah Seksyen 16)

- TPC dikeluarkan bagi membolehkan pendaftaran kepada pengamal perubatan yang telah berdaftar di luar Malaysia yang ingin mengamal perubatan di Malaysia yang kebiasaannya bertujuan untuk mengajar, menjalankan penyelidikan, menjalani latihan sangkutan klinikal dan latihan fellowship untuk tempoh kurang dari satu (1) tahun. TPC tidak boleh digunakan bagi tujuan pekerjaan.

Pendaftaran: Pendaftaran Sementara


Pendaftaran Sementara (di bawah seksyen 12 dan 13 Akta) membenarkan pengamal berkeelayakan yang baharu dalam bidang perubatan untuk menjalani latihan siswazah di bawah seliaan dan pengamal akan diberikan pendaftaran penuh setelah selesai menjalani latihan dengan jayanya.

Bilangan Pengamal Perubatan Siswazah (PPS) yang diberikan Pendaftaran Sementara mengikut status kelayakan institusi yang diperolehi sama ada dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) atau dari institusi pengajian perubatan luar negara adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Jumlah Pendaftaran Sementara Pengamal Perubatan Siswazah Mengikut Institusi Kelayakan

Institusi	2022	2023	2024
Dalam Negara: Awam	1,357	1,352	1,274
Dalam Negara: Swasta	1,810	1,407	1,375
Jumlah Dalam Negara	3,167	2,759	2,649
Luar Negara	690	488	493
Jumlah Keseluruhan	3,857	3,247	3,142

Carta 1: Jumlah Pengamal Perubatan Berdaftar Sementara Mengikut Institusi Kelayakan



Jadual 1 dan Carta 1 menunjukkan Sijil Pendaftaran Sementara yang telah dikeluarkan kepada pengamal dengan jumlah 3,142 bermula Januari 2024 sehingga Disember 2024. Jumlah pengamal dari Institusi dalam negara dan pengamal dari Institusi luar negara masing-masing adalah sebanyak 2,649 dan 493 iaitu berkurangan dari tahun 2023.


Pendaftaran : Pendaftaran Penuh

Pendaftaran Penuh dengan MPM adalah termaktub di bawah seksyen 14(1), Seksyen 14(2A) dan 14(3) Akta Perubatan 1971. Seseorang pengamal adalah layak untuk mengemukakan permohonan sekiranya telah memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan serta telah melengkapkan latihan siswazah di dalam atau luar Malaysia. Sehubungan itu, jadual dan carta 2 di bawah menunjukkan corak jumlah pendaftaran penuh yang diberikan kepada pengamal perubatan yang mengamal di Malaysia.

Jadual 2: Jumlah Pendaftaran Penuh Mengikut Kewarganegaraan Dan Menjalani Latihan Siswazah Di Dalam Dan Luar Negara

Akta Berkaitan	Kategori	2022	2023	2024
Pendaftaran tanpa syarat merujuk kepada Seksyen 14(1)	Warganegara – Latihan Siswazah Dalam Negara	4,474	3,939	3,193
	Warganegara – Latihan Siswazah Luar Negara	46	75	96
	Penduduk Tetap – Latihan Siswazah Dalam Negara	-	-	1
Jumlah		4,520	4,014	3,290
Pendaftaran bersyarat merujuk kepada Seksyen 14(2A) dan 14(3)	Warganegara	-	26	2
	Bukan Warganegara – Latihan Siswazah Dalam Negara	9	2	5
	Bukan Warganegara – Latihan Siswazah Luar Negara	220	274	239
Jumlah		229	302	246
Jumlah Keseluruhan		4,749	4,316	3,536

Carta 2: Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh Mengikut Kewarganegaraan dan Menjalani Latihan Siswazah di Dalam dan Luar Negara



Jadual 2 dan Carta 2 menunjukkan jumlah pendaftaran penuh bagi pengamal perubatan di MPM mulai tahun 2022 sehingga tahun 2024. Sebanyak 3,536 Sijil Pendaftaran Penuh telah dikeluarkan kepada pengamal perubatan bermula Januari 2024 sehingga Disember 2024.

Pendaftaran : Pendaftaran Pakar Perubatan


Seiring dengan keperluan semasa dan penguatkuasaan Akta Perubatan 1971, Seksyen 14A, 14B dan 14C telah dimasukkan dalam Akta Perubatan tersebut. Penambahbaikan ini memberi peruntukan khusus berhubung pengamal perubatan yang ingin menjalankan amalan sebagai pakar di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, pengamal perubatan yang telah berdaftar penuh dan ingin berkhidmat sebagai pakar perubatan di Malaysia perlu membuat permohonan pendaftaran pakar dengan MPM. Sekiranya layak dan diperakukan, nama pengamal akan disenaraikan dalam senarai daftar MPM. Selari dengan perkara tersebut, berikut merupakan jumlah pendaftaran pakar mengikut sektor sehingga tahun 2024.

Jadual 3: Jumlah Pengamal Perubatan Berdaftar Pakar Mengikut Sektor bagi Tahun 2022 sehingga 2024

Sektor\Tahun	2022	2023	2024
Awam	994	1,175	1,460
Swasta	52	77	46
Lain-lain	31	-	-
Jumlah	1,077	1,252	1,506

Carta 3: Jumlah Pengamal Perubatan Berdaftar Pakar Mengikut Sektor bagi Tahun 2022 sehingga 2024



Jadual 3 dan Carta 3 di atas menunjukkan bilangan dan bentuk graf pendaftaran pakar mengikut sektor dan telah menggambarkan peningkatan jumlah pendaftaran pakar bagi tahun 2024 dari tahun sebelum ini.

Pendaftaran : Perakuan Amalan Sementara (TPC)

Perakuan Amalan Sementara (TPC) (di bawah Seksyen 16) merupakan pendaftaran dengan sekatan dan syarat yang ditentukan oleh Majlis untuk diberikan kepada pengamal perubatan yang berdaftar di luar Malaysia namun ingin mengamal di Malaysia untuk tempoh kurang dari satu (1) tahun.


TPC ini biasanya dikeluarkan kepada pengamal yang bertujuan untuk mengajar, menjalankan penyelidikan, menjalani latihan sangkutan klinikal, mengikuti kursus perubatan atau latihan jangka pendek serta lain-lain yang berkaitan. Walau bagaimanapun, TPC tidak boleh digunakan bagi tujuan pekerjaan.

Sehubungan itu, jumlah permohonan TPC yang telah diterima oleh MPM bermula tahun 2022 sehingga 2024 adalah seperti berikut :

Jadual 4: Jumlah Perakuan Amalan Sementara (TPC) mulai Tahun 2022 sehingga 2024

Tahun	2022	2023	2024
Jumlah TPC	126	173	197

Carta 4: Jumlah Pengamal Perubatan Diberikan Perakuan Amalan Sementara (TPC)



Jadual 4 dan Carta 4 di atas menunjukkan terdapat peningkatan jumlah pengamal perubatan didaftarkan Perakuan Amalan Sementara pada tahun 2024 berbanding tahun sebelum ini.

Jadual 5 pula menunjukkan pecahan jumlah pengamal perubatan yang telah diberikan TPC mengikut negara asal pemohon mulai tahun 2022 sehingga 2024.

Jadual 5: Jumlah TPC Mengikut Negara Asal Pemohon mulai Tahun 2022 sehingga 2024

Negara	Jumlah Pemohon			Negara	Jumlah Pemohon		
	2022	2023	2024		2022	2023	2024
Afghanistan	-	-	-	India	12	14	9
Amerika Syarikat	1	2	5	Indonesia	8	18	21
Arab Saudi	7	6	-	Iran	-	-	-
Australia	7	11	7	Iraq	-	1	3
Austria	1	-	-	Ireland	-	-	-
Bahrain	3	-	3	Italy	2	3	1
Bangladesh	-	-	1	Jepun	2	25	18
Belgium	-	-	-	Jordan	3	-	2
Bhutan	1	1	-	Jerman	-	-	1
British	-	-	-	Korea	2	2	1
Belanda	-	-	-	Kyrgyztan	-	-	-
Brunei	-	2	1	Kenya	2	-	-
Bulgaria	-	-	1	Kuwait	-	1	-
Chile	-	-	-	Laos	-	-	-
China	-	6	6	Libya	1	-	-
Denmark	-	2	-	Maldives	6	3	3
Egypt	1	-	3	Malaysia	1	2	6
Finland	-	-	1	Mauritius	-	-	-
Hungary	3	-	-	Mongolia	-	-	-
Hong Kong	-	3	4	Myanmar	1	1	4

Negara	Jumlah Pemohon			Negara	Jumlah Pemohon		
	2022	2023	2024		2022	2023	2024
Namibia	-	-	1	Sudan	5	5	5
New Zealand	-	-	1	Switzerland	-	-	-
Nepal	4	4	4	Sweden	-	-	-
Oman	-	-	1	Syria	-	-	-
Pakistan	5	6	12	Taiwan	1	8	12
Papua New Guinea	2	-	-	Thailand	18	23	29
Palestine	-	2	-	UAE	1	-	-
Philippines	8	6	10	Ukraine	-	1	-
Perancis	-	-	-	United Kingdom	8	7	5
Singapura	5	6	5	Uganda	-	-	-
Sri Lanka	1	-	-	Vietnam	2	1	4
South Africa	-	1	-	Yaman	2	-	1
Mexico	-	-	1	Zambia	-	-	2
Spain	-	-	3				
JUMLAH					126	173	197

Lain-lain Dokumen: Certificate Of Good Standing (COGS)

COGS merupakan satu sijil yang dikeluarkan oleh MPM untuk mengesahkan status pendaftaran pengamal bersama MPM. Sijil ini hanya akan dikeluarkan sekiranya pengamal tersebut mempunyai pendaftaran yang sah bersama MPM serta tidak mempunyai sebarang tindakan tatatertib yang diambil atau belum selesai terhadap pengamal sepanjang tempoh pendaftaran sebagai pengamal perubatan di Malaysia.


Sijil ini dikeluarkan bagi Pengamal Perubatan Berdaftar yang telah mematuhi keperluan syarat-syarat pendaftaran yang ditetapkan oleh MPM dan hanya sah digunakan selama tiga bulan dari tarikh pengeluaran sijil.

Justeru, berikut adalah jumlah permohonan sijil COGS sepanjang tahun 2022 sehingga 2024.

**Jadual 6: Jumlah Permohonan Certificate of Good Standing (COGS) Setiap Bulan
Sepanjang Tahun 2022 sehingga 2024**

Sektor/ Tahun	2022	2023	2024
Januari	80	88	101
Februari	84	81	91
Mac	90	86	109
April	80	77	95
Mei	103	112	90
Jun	102	84	96
Julai	97	115	116
Ogos	99	124	126
September	104	110	134
Oktober	145	164	96
November	166	162	106
Disember	147	88	164
Jumlah	1,297	1,291	1,324

Carta 5: Jumlah Permohonan Certificate of Good Standing (COGS) Setiap Bulan Sepanjang Tahun 2022 sehingga 2024



Jadual 6 dan Carta 5 menggambarkan corak graf bagi jumlah pengeluaran sijil COGS kepada Pengamal Perubatan Berdaftar dengan MPM mulai tahun 2022 sehingga 2024. Namun, terdapat peningkatan dalam pengeluaran sijil pada tahun 2024.

Lima organisasi tertinggi yang dimohon untuk pengeluaran COGS adalah General Medical Council (GMC) United Kingdom, Australian Health Practitioner Regulation Agency (AHPRA), The Royal Australian College of General Practitioners (RACGP), Irish Medical Council (IMC), dan Singapore Medical Council (SMC).

Fitness To Practice (FTP)

Fitness to practice (FTP) bagi pengamal perubatan merujuk kepada keupayaan dan kelayakan seseorang pengamal perubatan berdaftar untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab perubatan secara selamat, beretika dan kompeten. Sehubungan itu, MPM telah mewujudkan jawatankuasa (di bawah Seksyen 19(1)(c) Akta Perubatan 1971) bagi menentukan keupayaan seorang pengamal perubatan yang mempunyai masalah kesihatan, kecelaruan mental dan ketidakcekapan sebelum dibenarkan untuk mengamal dengan selamat atau sebaliknya.

Oleh itu, MPM telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa berikut bagi memenuhi fungsi ini:

- a) Jawatankuasa Kelayakan Mengamal (JKM)/ Fitness To Practice (FTP)
- b) Panel Kajian Semula Perubatan (PKSP)/Medical Review Panel (MRP)

Jawatankuasa Kelayakan Mengamal (JKM)/Fitness To Practice (FTP)

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) diperuntukkan kuasa untuk melantik Jawatankuasa Kelayakan Mengamal (JKM)/Fitness To Practice (FTP) di bawah Seksyen 19(1) Akta Perubatan 1971 bagi tujuan menilai tahap keupayaan pengamal perubatan yang mempunyai masalah kesihatan fizikal atau tahap kompetensi yang rendah untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pengamal perubatan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menilai serta mengesyorkan kepada Majlis sama ada seseorang pengamal perubatan layak untuk terus mengamal, tidak selamat untuk mengamal, atau perlu dikenakan sekatan terhadap amalan mereka. Selain itu, Jawatankuasa juga boleh merujuk pengamal perubatan berkenaan kepada Panel Kajian Semula Perubatan (PKSP) sekiranya diperlukan.


Panel Kajian Semula Perubatan (PKSP)/Medical Review Panel (MRP)

Panel Kajian Semula Perubatan (PKSP)/Medical Review Panel (MRP) ialah sebuah jawatankuasa kecil di bawah JKM bagi melaksanakan penilaian perubatan ke atas Pengamal Perubatan Berdaftar di Malaysia yang dirujuk kerana isu berkaitan kesihatan mental. Panel ini turut berperanan menilai tahap kestabilan mental, keupayaan pengamal untuk menjalankan tugas klinikal dengan selamat, serta potensi risiko terhadap pesakit dan perkhidmatan kesihatan.

Jadual 7: Statistik Syor Jawatankuasa Kelayakan Mengamal (JKM/FTP) yang Diperakukan oleh Majlis pada Tahun 2022 sehingga 2024

Syor Jawatankuasa JKM/FTP		Tahun/Bil.Kes		
		2022	2023	2024
Selamat untuk mengamal	Diberi Pendaftaran Penuh	-	5	4
	Diberi Pendaftaran Sementara	2	2	2
	Dibenarkan meneruskan latihan siswazah	4	4	2
	Dibenarkan untuk mengamal	20	10	22
	Pendaftaran semula nama ke dalam Buku Daftar Perubatan Malaysia (Reinstatement) Diluluskan	-	-	1
Tidak selamat untuk mengamal	Pembatalan Pendaftaran Penuh	-	-	-
	Pembatalan Pendaftaran Sementara	-	-	-
	Pendaftaran semula nama ke dalam Buku Daftar Perubatan Malaysia (Reinstatement) Ditolak	1	-	-
	Memerlukan rawatan susulan	1	-	1
Tangguh	Dokumen tidak lengkap	3	1	1
	Tidak hadir penilaian	1	-	-
	Mendapatkan rawatan sepenuhnya	-	-	2
	Rujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan	-	-	-
Lain-lain	Rujuk kepada Medical Qualifying Committee (MQC)	-	1	-
	Tidak dibenarkan memulakan latihan siswazah	-	1	-
	Untuk menjalani latihan klinikal	-	1	-
Jumlah		32	25	35

Carta 6: Jumlah Pengamal yang Dinilai oleh Jawatankuasa Kelayakan Mengamal (JKM/FTP) mulai Tahun 2022 sehingga 2024




Jadual 7 dan Carta 6 mempamerkan jumlah kes pengamal perubatan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Kelayakan Mengamal (JKM/FTP) mulai tahun 2022 sehingga 2024. Bagi tahun 2024, majoriti pengamal perubatan telah disyorkan untuk dibenarkan mengamal semula.

Jadual 8: Ringkasan Syor Jawatankuasa PKSP/MRP sejak Tahun 2022 sehingga 2024

Syor Jawatankuasa PKSP/MRP		Tahun/Bil.Kes		
		2022	2023	2024
Selamat untuk mengamal	Diberi Pendaftaran Penuh	77	92	35
	Diberi Pendaftaran Sementara	13	8	26
	Dibenarkan meneruskan latihan siswazah	63	67	98
	Dibenarkan untuk mengamal	54	52	78
	Pendaftaran semula nama ke dalam Buku Daftar Perubatan Malaysia (Reinstatement) Diluluskan	-	-	3
Tidak selamat untuk mengamal	Pembatalan Pendaftaran Penuh	-	1	-
	Pembatalan Pendaftaran Sementara	1	3	-
	Pendaftaran semula nama ke dalam Buku Daftar Perubatan Malaysia (Reinstatement) Ditolak	1	-	-
	Memerlukan rawatan susulan	1	-	1
Tangguh	Dokumen tidak lengkap	4	4	-
	Tidak hadir penilaian	10	3	-
	Mendapatkan rawatan sepenuhnya	11	16	29
	Rujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan	-	-	-
	Rujuk Jawatankuasa JKM/FTP untuk pandangan kedua	-	4	-
Lain-lain		-	-	-
Jumlah		235	250	270

Carta 7: Statistik Jumlah Pengamal Perubatan Berdaftar yang Dinilai oleh Jawatankuasa PKSP/MRP mulai tahun 2022 sehingga 2024



Jadual 8 dan Carta 7 menggambarkan jumlah pengamal perubatan yang telah dirujuk kepada penilaian Jawatankuasa PKSP/MRP sebelum diberikan pendaftaran bagi tahun 2022 sehingga 2024. Statistik bagi tahun 2024 menunjukkan majoriti pengamal perubatan telah diberikan pendaftaran dan dibenarkan untuk mengamal perubatan.

Perakuan Amalan Tahunan (APC)


Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh yang ingin untuk mengamal di Malaysia perlu mengemukakan permohonan APC berdasarkan seksyen 20 Akta Perubatan 1971.

Berdasarkan Peraturan 28(2) Peraturan-peraturan Perubatan 2017 juga telah menetapkan keperluan Continuing Professional Development (CPD) dan perlindungan tanggung rugi (Professional Indemnity Insurance) bagi setiap permohonan APC. Pengamal Perubatan Berdaftar perlu mengumpul mata CPD minima 20 mata bermula 1 Julai 2022 sehingga 30 Jun 2023 tahun bagi memperbaharui sijil APC tahun 2024.

Jadual 9: Jumlah APC Mengikut Sektor dan Tempat Amalan Utama bagi Tahun 2022 sehingga 2024

Negeri	2022			2023			2024		
	Awam	Swasta	Badan Berkanun	Awam	Swasta	Badan Berkanun	Awam	Swasta	Badan Berkanun
Kuala Lumpur	6,074	2,767	117	3,964	5,407	143	6,641	3,501	148
Labuan	103	19	-	130	25	-	170	24	-
Putrajaya	1,483	53	2	1,681	75	-	1,771	82	-
Johor	4,215	1,839	49	4,241	2,091	41	4,276	2,365	49
Kedah	2,913	698	4	3,009	818	9	3,005	890	10
Kelantan	3,584	339	26	2,761	1,416	19	3,890	458	24
Melaka	1,760	623	11	1,843	722	7	1,847	754	11
Negeri Sembilan	2,517	629	6	2,448	838	5	2,468	841	11
Pahang	2,567	429	23	2,230	948	27	2,837	572	25
Pulau Pinang	2,716	1,276	22	2,748	1,507	18	2,762	1,641	22
Perak	3,481	1,148	14	3,550	1,321	19	3,696	1,391	20
Perlis	550	57	4	547	74	6	539	83	3
Selangor	9,057	4,927	105	8,284	6,596	114	9,260	6,414	147
Terengganu	1,775	328	7	1,879	540	6	1,993	508	8
Sabah	3,693	601	21	3,873	821	7	3,884	781	20
Sarawak	3,573	609	6	3,824	735	7	3,770	708	13
Lain-lain	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	50,061	16,342	417	47,012	23,934	428	52,809	21,013	511
Jumlah Keseluruhan	66,820			71,374			74,333		

Carta 8: Permohonan APC Mengikut Sektor Amalan Utama mulai Tahun 2022 sehingga 2024



Jadual 9 dan Carta 8 di atas menunjukkan peningkatan jumlah pengamal perubatan berdaftar yang memiliki sijil Perakuan Amalan Tahunan mulai tahun 2022 sehingga 2024.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MMC-CPD dijalankan pada setiap bulan bagi membincangkan berkenaan keperluan mata CPD dan permohonan rayuan mata CPD bagi pengamal yang tidak dapat memenuhi keperluan mata CPD seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis.

Pengiktirafan dan Pendidikan Perubatan (MER)

Pengamal perubatan yang ingin berdaftar untuk mengamal di Malaysia perlu mempunyai kelayakan dari institusi perubatan yang diiktiraf seperti yang tersenarai dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan. Namun, bagi pengamal yang tidak mempunyai kelayakan yang diiktiraf, pengamal hendaklah menduduki dan lulus Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara (EPR).

Jawatankuasa Pendidikan Perubatan/ Medical Education Committee (MEC) berperanan untuk mewujudkan standard pendidikan dan mengiktiraf kelayakan perubatan bagi tujuan pendaftaran selaras dengan Peraturan 22 di bawah Peraturan-Peraturan Perubatan 2017.

Jawatankuasa Teknikal Bersama/ Joint Technical Committee (JTB) telah ditubuhkan bagi tujuan akreditasi program perubatan selaras dengan peruntukan Seksyen 51, Akta 679 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). JTB terdiri daripada lima agensi kerajaan seperti yang disenaraikan pada Jadual 10 di bawah:

Jadual 10: Agensi Kerajaan dalam Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB)

PENGERUSI
Presiden, Majlis Perubatan Malaysia
KEAHLIAN
Majlis Perubatan Malaysia (MPM)
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

MPM telah bekerjasama dengan MQA dalam proses akreditasi program perubatan tempatan. MPM selaku badan professional profesion perubatan adalah berperanan untuk memberikan input kepada JTB dan menyertai lawatan Akreditasi MQA sebagai wakil badan professional.

Merujuk kepada Jadual 11, terdapat sebanyak 13 program perubatan tempatan dari sektor awam dan 21 program perubatan dari sektor swasta yang telah diiktiraf oleh MPM. Pemantauan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PnP) program-program ini dijalankan melalui proses akreditasi oleh MQA bersama wakil MPM mengikut status akreditasi program masing-masing.

Senarai penuh institusi perubatan yang diiktiraf seperti yang diwartakan dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971 meliputi institusi luar negara juga boleh diakses melalui laman web rasmi MPM, mmc.gov.my.

Jadual 11: Senarai Program Perubatan Tempatan

UNIVERSITI (SEKTOR AWAM)
Universiti Malaya (UM)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia - Universitas Padjadjaran, Indonesia (UKM-UNPAD)
Universiti Sains Malaysia (USM)
Universiti Sains Malaysia - International Medical Programme, Belgaum, Bangalore (USM-KLE)
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Universiti Putra Malaysia (UPM)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

UNIVERSITI (SEKTOR SWASTA)
International Medical University (IMU)
RCSI & UCD Malaysia Campus (RUMC)
Manipal University College Malaysia (MUCM)
Universiti Kuala Lumpur – Royal College of Medicine Perak (UniKL-RCMP)
AIMST University
Monash University Malaysia
UCSI University
University of Cyberjaya (UoC)
Management & Science University – International Medical School, Bangalore (MSU-IMS)
Management & Science University, Shah Alam Campus (MSU)
Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed Malaysia)
MAHSA University
Taylor's University
Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
SEGi University
Perdana University Graduate School of Medicine (PUGSOM)
Perdana University – Royal College of Surgeons, Ireland (PU-RCSI)
Lincoln University College (LUC)
QUEST International University (QIU)
WIDAD University College
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS)

Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara (EPR)

Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara (EPR) perlu diduduki oleh pemohon yang memiliki kelayakan asas perubatan yang tidak diiktiraf dan tidak tersenarai dalam Jadual Kedua. Pemohon mestilah menduduki dan lulus peperiksaan dengan MPM sebelum didaftarkan untuk mengamal di Malaysia.

Selepas tahun 2015, Peraturan Perubatan (Penetapan Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara) 2015 telah menggantikan Peperiksaan Kelayakan Perubatan (MQE) kepada Peperiksaan Pendaftaran Sementara (EPR). Untuk tujuan tersebut, Jawatankuasa EPR MPM telah ditubuhkan bagi mengendalikan peperiksaan teori dan peperiksaan klinikal EPR.

Calon yang ingin menduduki peperiksaan teori perlu mengemukakan permohonan melalui aplikasi MeRITS, seterusnya menduduki peperiksaan teori secara dalam talian melalui sistem Exemplify (EXAMSOFT). Calon yang lulus, kemudiannya perlu menduduki peperiksaan klinikal yang diadakan di Institusi Pendidikan Tinggi Perubatan iaitu pusat peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh MPM. Keputusan peperiksaan kemudiannya perlu diperakukan oleh Majlis sebelum dimaklumkan kepada calon.

Peperiksaan EPR ini adalah dirancang untuk dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun iaitu melibatkan peperiksaan teori yang pada kebiasaannya bermula pada bulan Mac dan September bagi setiap tahun. Calon yang lulus peperiksaan teori tersebut kemudian dibenarkan untuk menduduki peperiksaan klinikal kira-kira tiga (3) bulan setelah lulus peperiksaan teori. Sehubungan itu, berikut merupakan jadual bagi keputusan peperiksaan EPR pada tahun 2024.

Jadual 12: Keputusan Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara bagi Tahun 2022 sehingga 2024

BAHAGIAN PEPERIKSAAN		2022		2023		2024	
		Mac	Sept	Mac	Sept	Mac	Sept
Peperiksaan Teori	Bilangan Calon	30	22	20	-	37	25
	Lulus	25	16	10	-	24	17
	Gagal	5	6	10	-	13	8
		Jun	Dis	Jun	Dis	Jun	Dis
Peperiksaan Klinikal	Bilangan Calon	33	20	10	-	19	19
	Lulus	33	18	10	-	15	17
	Gagal	-	2	-	-	4	2
Peratus Lulus Peperiksaan (%)		100%	90%	100%	-	79%	89.5%

Etika dan Perundangan

Peranan utama bahagian ini adalah:

- Menerima dan mengurus segala aduan terhadap Pengamal Perubatan Berdaftar yang didakwa melanggar kod etika kedokteran atau salah laku profesional di bawah Akta Perubatan 1971.
- Mengawal dan mengawasi amalan perubatan supaya kod etika Pengamal Perubatan Berdaftar dipatuhi melalui prosiding tatatertib.
- Merangka dan membangunkan Garis Panduan sebagai rujukan Pengamal Perubatan Berdaftar.
- Menggubal dan meminda undang-undang di bawah bidang kuasa MPM.
- Memberi nasihat perundangan, maklum balas, dan ulasan kepada MPM atau bagi pihak MPM sama ada secara lisan atau bertulis agar selaras dengan peruntukan undang-undang dan dasar yang berkaitan.
- Menyemak dan memberi nasihat perundangan, maklum balas dan ulasan terhadap draf perjanjian/memorandum persefahaman/dokumen undang-undang yang dirujuk supaya selaras dengan peruntukan undang-undang dan dasar yang berkaitan.
- Mengurus dan memantau panel peguam MPM yang dilantik dalam tindakan undang-undang yang difailkan terhadap atau bagi pihak MPM.

Akta Perubatan 1971 memperuntukkan beberapa kes yang terlibat untuk didengar di bawah Akta Perubatan 1971 dan Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 serta juga Akta Perubatan 1971 (selepas pindaan 2012) & Peraturan-Peraturan Perubatan 2017 seperti berikut:

Jadual 13: Statistik Aduan Yang Disanksi Ke Jawatankuasa Penyiasatan Pemulaan (JPP) di bawah Akta Perubatan 1971 & Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) bagi Tahun 2024

Akta Perubatan 1971						Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)					Jumlah
JPP I	JPP II	JPP III	JPP IV	JPP V	JPP VI	JPP 1	JPP 2	JPP 3	JPP 4	JPP 5	
-	-	-	-	-	-	28	27	26	27	29	137

Jadual 14: Statistik Kes Di Peringkat Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (JPP) di bawah Akta Perubatan 1971 & Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) bagi Tahun 2024

Akta	JPP I/1	JPP II/2	JPP III/3	JPP IV/4	JPP V/5	JPP VI	Jumlah
Akta Perubatan 1971	-	2	8	5	4	1	20
Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)	31	40	82	21	13	-	187
Jumlah	31	42	90	26	17	1	207

Jadual 15: Statistik Kes Di Peringkat MPM Dan Lembaga Tatatertib/Disciplinary Board (DB) Mengikut Akta Perubatan 1971 & Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) Bagi Tahun 2024

Akta Perubatan 1971						Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)					Jumlah
JPP I	JPP II	JPP III	JPP IV	JPP V	JPP VI	DB 1	DB 2	DB 3	DB 4	DB 5	
-	-	-	1	-	1	17	19	16	12	16	82

Jadual 16: Statistik Keputusan Pendengaran di Peringkat Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan di bawah Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 bagi Tahun 2024

Peruntukan	Keterangan	Jumlah Kes
Peraturan 28	Kes dibuang terus oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan.	1
Peraturan 29(2)	Kes tidak dapat diteruskan ekoran pengadu tidak menghadiri perbicaraan terhadap aduan.	-
Peraturan 29(3)	Kes tidak dapat diteruskan ekoran pengadu tidak dapat dihubungi atau menarik balik aduan di peringkat pemeriksaan balas (cross examine).	-
Peraturan 29(4)(a)	Selepas pengadu disoalsiasat, didapati tiada bukti kukuh.	2
Peraturan 29(7)(a)	Selepas pengamal responden disoalsiasat, didapati tiada bukti kukuh.	1
Peraturan 29(7)(b)	Selepas pengamal responden disoalsiasat dan didapati ada bukti kukuh untuk menyokong tindakan, kes dikemukakan kepada Majlis untuk mengadakan pendengaran.	4
Peraturan 29(5)	Jika selepas diberitahu mengenai haknya di bawah subperaturan (4) dan pengamal perubatan memilih untuk tidak hendak membuat pernyataan, Jawatankuasa hendaklah mensyorkan supaya suatu siasatan diadakan oleh Majlis.	-
Jumlah		8

**Jadual 17: Statistik Keputusan Pendengaran di Peringkat Majlis di bawah Akta
Perubatan 1971 bagi Tahun 2024**

Peruntukan	Keterangan	Jumlah Kes
Seksyen 30(i)	Dipotong daripada Daftar.	1
Seksyen 30(ii)	Digantung daripada Daftar bagi apa-apa tempoh yang difikirkan patut.	-
Seksyen 30(iii)	Mencela pengamal perubatan itu.	2
Seksyen 30(iv)	Digantung daripada Daftar tetapi menangguhkan pelaksanaan perintah, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis, tidak melebihi dua tahun.	-
Peraturan 31(5)	Jika pada akhir siasatan, Majlis mendapati tiada kes dibuat terhadapnya pengamal itu hendaklah mengarahkan supaya pertuduhan itu ditolak dan hendaklah memaklumkan kepada pengamal sewajarnya.	3
Jumlah		6

**Jadual 18: Statistik Keputusan Pendengaran di Peringkat Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan di
bawah Peraturan-Peraturan Perubatan 2017 bagi Tahun 2024**

Peruntukan	Keterangan	Jumlah Kes
Peraturan 39(1)(a)	Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan mengesyorkan kepada Majlis untuk kes dibuang atas sebab nama dan alamat pengadu tidak diketahui atau tidak dapat dikesan.	1
Peraturan 39(1)(b)	Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan mengesyorkan kepada Majlis untuk kes dibuang walaupun faktanya benar, ia tidak melibatkan kesalahan tatatertib.	5
Peraturan 39(1)(c)	Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan mengesyorkan kepada Majlis untuk kes dibuang kerana terdapat sebab untuk meragui kebenaran aduan atau maklumat.	-
Peraturan 40(2)(a)	Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan mengesyorkan kepada Majlis untuk kes dibuang dan tiada tindakan lanjut akan diambil terhadap aduan atau maklumat yang diterima.	35
Peraturan 40(2)(b)	Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan mengesyorkan kepada Majlis untuk kes dikemukakan kepada Lembaga Disiplin bagi sesuatu siasatan diadakan.	26
Jumlah		67

Jadual 19: Statistik Keputusan Pendengaran di Peringkat Lembaga Tatatertib di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) bagi Tahun 2024

Peruntukan	Keterangan	Jumlah Kes
Seksyen 30(1)(a)	Mencela pengamal perubatan itu.	14
Seksyen 30(1)(b)(i)	Supaya pengamal itu mendapatkan rawatan perubatan.	-
Seksyen 30(1)(b)(ii)	Supaya apa-apa syarat yang berhubungan dengan amalan perubatan pengamal perubatan itu sebagaimana yang difikirkannya sesuai dikenakan ke atas pendaftaran pengamal itu.	-
Seksyen 30(1)(b)(iii)	Supaya pengamal perubatan itu menjalani kursus atau program pendidikan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.	-
Seksyen 30(1)(b)(iv)	Supaya pengamal perubatan itu melaporkan mengenai amalan perubatannya kepada mana-mana pengamal perubatan atau orang sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.	-
Seksyen 30(1)(c)	Memerintahkan supaya nama pengamal perubatan itu digantung daripada Daftar bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut.	4
Seksyen 30(1)(d)	Membuat apa-apa perintah dalam perenggan (c) tetapi menangguhkan pelaksanaan perintah itu, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis, bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang agregatnya tidak melebihi dua (2) tahun.	-
Seksyen 30(1)(e)	Memerintahkan supaya nama mana-mana pengamal perubatan itu dipotong daripada Daftar.	-
Seksyen 42(7)(a)	Lembaga Disiplin mendapati bahawa tiada alasan yang mencukupi untuk menyokong dakwaan itu dan mengesyorkan kepada Majlis supaya tiada tindakan lanjut diambil terhadap pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan.	5
